

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JULY 2017

Najib ingatkan rakyat bahaya pilih pihak yang bercelaru

Jangan gadai masa depan

UM-16/7/2017 pg. 3

Oleh **LUQMAN HAZIQ**
dan **NURUL HUDA HASSAN**
pengarang@utusan.com.my

■ KLUANG 15 JULAI

DATUK Seri Najib Tun Razak mengingatkan rakyat supaya tidak menggadai masa depan negara dengan memilih pihak yang bercelaru dan tidak tahu siapa 'taukenya'.

Justeru itu, Perdana Menteri meminta rakyat terus memilih Barisan Nasional (BN) iaitu parti yang kukuh dan terbukti mampu mentadbir negara dengan baik seperti hari ini, sekali gus membawa kejayaan menakjubkan.

Menurutnya, dengan keceka-

pan pentadbiran kerajaan sekarang ini, negara mampu menegap keamanan dan keselamatan sehingga menduduki tangga ke-29 daripada 163 negara paling aman di dunia.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pasukan keselamatan lain.

"Kita ada kestabilan politik yang menyumbang kepada kerajaan kukuh dan kuat. Jadi janganlah kita gadai masa depan kita, janganlah pilih orang yang bercelaru, tidak tahu siapa tauke sebenarnya.

"Masing-masing ada jawatan, tidak tahu siapa bosnya. Kita tidak

boleh (salah pilih), kita mesti pilih sebuah parti yang kukuh terbukti mampu mentadbir negara," katanya semasa merasmikan Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Aidilfitri 2017 di Taman Sri Lambak, Sembrong, di sini malam ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Dalam majlis itu, Najib turut meluluskan permohonan pem-

binaan 500 rumah mampu milik di Paloh, di sini serta 500 rumah generasi kedua Felda di Kahang selain menaik taraf Pondok Polis Taman Seri Lambak kepada balai polis.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga mempunyai misi, visi dan perancangan untuk memastikan rakyat dan Malaysia mencapai status negara maju termasuk menyediakan pelbagai kemudahan pengangkutan moden.

"Kita ada kemampuan untuk melaksanakan semua itu, kita tidak cakap omong kosong bukan macam pembangkang, kita cakap kita buat, dia (pembangkang) boleh janji macam-macam tapi habuk pun tidak dapat," katanya.